

13 NOV 2001

Malaysia-Maghribi

MALAYSIA-MAGHRIBI TUBUH SURUHANJAYA BERSAMA PELBAGAI BIDANG

PUTRAJAYA, 13 Nov (Bernama) -- Malaysia dan Maghribi hari ini menandatangani tiga memorandum persefahaman untuk mempertingkatkan lagi kerjasama dan hubungan dua hala.

Ia melibatkan penubuhan Suruhanjaya Bersama dalam bidang ekonomi, teknikal, saintifik dan kebudayaan, perkhidmatan udara serta teknologi maklumat.

Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Maghribi Abderrahmane El Youssoofi. Ia dilangsungkan selepas pertemuan kedua-dua pemimpin itu di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Perjanjian mengenai kerjasama ekonomi, teknikal, saintifik dan kebudayaan ditandatangani oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pengangkutan dan Perdagangan Laut Maghribi, Abdesslam Znined, perjanjian mengenai perkhidmatan udara ditandatangani oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Abdessalam manakala perjanjian untuk mempertingkatkan hubungan dan pertukaran pengalaman dalam bidang teknologi maklumat ditandatangani oleh Pengerusi Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Multimedia Tan Sri Othman Yeop Abdullah dan pengerusi Majlis Penyeliaan, Moroccan Information Tecnopark Corporation (MITC), Nasr Hajji yang juga Setiausaha Negara di Jabatan Perdana Menteri bagi hal Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat Maghribi.

Abderrahmane tiba semalam bersama rombongan 36 orang untuk lawatan sulungannya selama empat hari.

Syed Hamid memberitahu pemberita kemudian bahawa berkata Maghribi telah mempelawa Petronas untuk melibatkan diri secara langsung dan aktif dalam aktiviti mencari gali minyak dan gas di negara itu.

Pada masa ini penglibatan Petronas di Maghribi hanya melalui Syarikat Energy Afrika. Petronas mempunyai kepentingan dalam syarikat itu.

Syed Hamid juga berkata dalam bidang pelaburan dan perdagangan, Dr Mahathir dan Abderrahmane bersetuju agar kedua-dua negara mempertingkatkan perdagangan dua hala yang kini masih kecil iaitu sebanyak RM86 juta setahun yang memihak kepada Malaysia.

Maghribi juga mahu Malaysia menggunakan negara itu sebagai pintu masuk barangan Malaysia untuk dipasarkan ke Eropah manakala Malaysia pula mahukan Maghribi menggunakan Malaysia sebagai pintu masuk barangan Maghribi ke negara-negara Asean dan Asia.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir juga mahukan Maghribi menghantar lebih banyak penuntut mereka belajar di negara ini terutama dalam bidang teknikal dan teknologi maklumat termasuk di Universiti Multimedia.

Malaysia juga menawarkan program latihan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia memandangkan Malaysia mempunyai infrastruktur pendidikan yang baik.

Kini terdapat hanya dua pelajar Maghribi menuntut di sini.

Syed Hamid berkata kedua-dua pihak hari ini turut membincangkan peningkatan kerjasama dalam bidang pelaburan, pelancongan serta teknologi komunikasi dan maklumat selain isu antarabangsa termasuk isu keganasan.

Katanya Malaysia dan Maghribi juga mempunyai persefahaman dalam menangani isu Asia Barat terutamanya Palestin.

"Kedua-dua pemimpin berpendapat perlunya satu usaha untuk menyelesaikan masalah Palestin dan kewujudan negara Palestin bagi menangani masalah di rantau itu," kata Syed Hamid.

-- BERNAMA
HK MUN AKT MAI